

# Sedia khidmat seliaan: PM

BN - 7 JUN 1994

SHAH ALAM, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON), memastikan keupayaannya menyediakan perkhidmatan seliaan yang memuaskan di sesebuah negara, sebelum memasarkan kereta Proton ke negara berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu amat penting bagi memastikan langkah mengeksport kereta nasional termasuk ke negara-negara Selatan tidak menemui kegagalan.

"Kita boleh kembang (pasaran)...tetapi sebelum itu, kena pastikan kita mampu menyelia kereta yang kita buat. Jika tidak,

kita boleh jual tetapi kemudian tidak ada keupayaan mengurus.

"Tiap-tiap satu negara yang kita pasarkan, kita mestilah merancang sebaik-baiknya supaya tidak terjadi kegagalan kerana sekali gagal, amat sukar untuk memulakan semula," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan ibu pejabat baru EON dan ulang tahun ke-10 syarikat penganjak kereta nasional itu, di Jalan Glenmarie dekat sini hari ini. Hadir sama ialah Pengerusi EON, Tan Sri Jamil Mohd Jan.

Selain pusat operasi pe-

masaran, kompleks berharga RM82 juta itu dilengkapi pejabat penyerahan kereta kepada pelanggan di Lembah Klang, pusat pemeriksaan sebelum penyerahan, pusat pengubahsuaian bagi pengeluaran Proton Limousine dan Proton Eksekutif serta pusat servis 24 jam.

Dr Mahathir berkata, kejayaan Proton dan EON sehingga ke tahap kegiatan yang serba canggih dalam tempoh 10 tahun amat membanggakan.

"Kita telah maju jauh ke hadapan (di bidang automotif) dalam jangka masa 10 tahun. Kita lihat perkembangan Proton

sampai ke tahap canggih di mana Proton dan EON mempunyai kegiatan yang tidak pernah dimimpikan sebelum ini.

"EON dapat mengubah bentuk kereta dengan begitu berkualiti dan canggih. Ini membuktikan kakitangan EON menguasai kejuruteraan automotif yang dulu tidak pernah kita ada," katanya.

Terdahulu itu, dalam ucapannya Perdana Menteri berkata, untuk muncul sebagai negara yang mempunyai industri automotif bertaraf antarabangsa, EON perlu meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa.

Menurutnya, EON kini

berada dalam kedudukan yang baik untuk membantu Proton merebut peluang di pasaran baru seberang laut dengan menggunakan kepakarannya dalam bidang pemasaran Proton yang dicatat sedekad lalu.

"Kaedah lain yang boleh digunakan EON untuk meluaskan pasaran eksport ialah melalui urusan perdagangan timbal balas. Dengan cara ini, sesetengah negara yang mungkin tidak mencukupi mata wang asing, boleh membeli Proton.

"Dengan itu, kita boleh menjual kereta Proton dan kita juga boleh tentu

**LIHAT MUKA 2**

# EON perlu sedia KH - 7 JUN 1994 khidmat seliaan: Mahathir

## DARI MUKA 1

kan ia dibayar dengan mata benda atau barangan selain wang," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejayaan EON mempelbagaikan perniagaannya di dalam serta luar negara membolehkannya muncul sebagai syarikat konglomerat.

"Selain mengedar kereta Proton, ia menyertai perdagangan am, kewangan, pengubahsuaian kereta, telekomunikasi, hartanah, pengedaran alat ganti dan komponen kereta serta pembrokeran saham.

Di luar negara pula, EON melabur menerusi Cycle and Carriage Ltd, sebuah syarikat konglomerat di Singapura; PROTON Car Europe untuk memasarkan kereta Proton di Eropah serta kegiatan EON Trading dalam perdagangan am di peringkat antarabangsa.

EON setakat ini berjaya menjual 521,000 kereta Proton atau menguasai 74 peratus pasaran kereta penumpang tempatan.

Kejayaan kereta Proton di luar negara juga membanggakan kerana kereta nasional itu telah menembusi pasaran 15 negara dengan jualan melebihi 85,000 unit.

Tahun lalu, perolehan kumpulan syarikat itu ialah RM3.6 bilion.

Dr Mahathir berkata, perlantikan EON dalam Program Syarikat Perdagangan Am turut membuktikan kepercayaan kerajaan terhadap syarikat itu untuk membantu usaha mempertingkatkan lagi eksport, terutama ke negara Selatan.

"Keupayaan EON menjadi konglomerat dalam masa yang agak singkat iaitu empat tahun, boleh dilihat melalui pembabitannya dalam bidang perdagangan am.

"Saya amat bangga kerana EON mula melangkah ke seberang laut," katanya.

Menurutnya, pembabit-an EON dalam pengedaran kereta turut meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri kereta selaras dengan dasar kerajaan meningkatkan penyertaan mereka dalam perdagangan dan perindustrian.